

PERSEDIAAN AUDIT BADAN PENSIJILAN OLEH SIRIM TAHUN 2017

Latar Belakang

1. Audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan pada setiap tahun untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi QMS, ISMS dan EMS di UPM. Jadual pelaksanaan audit di UPM telah dibentang dan dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32, yang merangkumi tarikh audit, peringkat audit, tarikh akhir penghantaran pelan tindakan ke SIRIM dan tarikh akhir penghantaran bukti tindakan pembetulan.

Persediaan Audit Badan Pensijilan Tahun 2017

2. Butiran pelaksanaan audit QMS, ISMS dan EMS adalah sebagaimana berikut:

2.1 Audit Badan Pensijilan QMS

Surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM telah diterima bertarikh 28 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, audit Pemantauan Semakan 2 akan diadakan pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit) dengan menggunakan standard baharu iaitu MS ISO 9001:2015. Skop audit merangkumi semua entiti/Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM termasuk 5 entiti/PTJ baharu iaitu Institut Kajian Perladangan, Pusat Antarabangsa, Pusat Sains Marins, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen.

Seramai lima (5) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

- (a) Cik Hanida Ghazali (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit);
- (b) Dr. Montaj Mustakim: Mengaudit pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit);
- (c) Puan Fauziah Sulaiman: Mengaudit pada 11 hingga 15 September dan 25 hingga 26 September 2017 (7 hari audit);
- (d) Puan Parimala Devi a/p Ganesan: Mengaudit pada 11 hingga 15 September 2017 (5 hari audit);
- (e) Seorang Juruaudit akan ditentukan kemudian (3 hari audit)

2.2 Audit Badan Pensijilan ISMS

Pemakluman berkaitan perluasan skop audit di Bintulu telah dibuat kepada pihak SIRIM dan surat notifikasi audit telah diterima bertarikh 6 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, audit ISMS akan diadakan pada 6 September 2017 yang akan mengaudit proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah di Kampus Bintulu dan audit akan diteruskan pada 2 hingga 3 November 2017 di Kampus Serdang (Jumlah keseluruhan 3 hari audit).

Seramai tiga (3) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

- (a) Puan Sazlin Alias (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 6 September (di Kampus Bintulu) dan 2 hingga 3 Oktober 2017 (di Kampus Serdang) (3 hari audit);
- (b) Encik Mohammad Hamidi Yusop: Mengaudit pada 2 hingga 3 Oktober 2017 (2 hari audit); dan
- (c) Seorang juruaudit akan ditentukan kemudian yang akan mengaudit selama satu (1) hari.

2.3 Audit Badan Pensijilan EMS

Surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM telah diterima bertarikh 28 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, Audit Pensijilan Semula akan diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit).

Seramai empat (4) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

- (a) Puan Aernida Abdul Kadir (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit);
- (b) Encik Tajul Arif Ariffin: Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit);
- (c) Encik Shaiful Azmir A. Rahman: Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit); dan
- (d) Encik Mahmud Rizal Othman. : Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit)